

Dr M ditempatkan di IJN akibat keletihan selepas berbasikal

BERITA HARIAN 14 JUL 2025

m/s: 14

Doktor maklum keadaan bekas PM kini stabil, diarah berehat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad ditempatkan di Institut Jantung Negara (IJN) untuk pemantauan dan berehat, akibat keletihan selepas berbasikal ketika menyertai program 'Picnic & Potluck', semalam.

Pembantu Dr Mahathir, Sufi Yusoff, berkata Perdana Menteri keempat dan ketujuh itu dimasukkan ke IJN kira-kira jam 10 pagi semalam.

"Ya betul, Tun kini sedang berehat di IJN selepas mengadu penat, sesuai menyertai program Picnic & Potluck di Putrajaya pagi tadi (semalam).

"Doktor memaklumkan keadaan Tun M stabil, selain mengarahkan beliau berehat," katanya, semalam.

Dr Mahathir menyertai program Picnic & Potluck di Tasik Putrajaya bersempena sambutan kelahiran ke-100 beliau pada Khamis lalu serta ulang tahun kelahiran ke-99 isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada Sabtu.

Dr Mahathir tiba jam 7.45 pagi dengan memandu sendiri, sebelum mengayuh basikal secara 'tandem' di sekitar tasik diiringi pegawai keselamatan khas.


Lebih 500 sertai acara

Bagaimanapun, selepas menamatkan kayuhan sejauh kira-kira lapan kilometer, beliau dilihat keletihan dan duduk berehat di kerusi seketika sebelum menuju ke meja sarapan.

Antara yang menunggu kehadiran beliau ialah Dr Siti Hasmah, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar serta anak beliau, Tan Sri Mokhzani Mahathir.

Lebih 500 orang hadir memeriahkan program dengan membawa makanan untuk bersarapan secara santai bersama keluarga di tepi tasik.

Dr Mahathir sempat beramah mesra dengan orang ramai, sebelum meninggalkan program kira-kira jam 10 pagi.



Dr Mahathir duduk berehat di kerusi seketika sebaik mengadu penat selepas menyertai berbasikal pada program 'Picnic & Potluck' di Putrajaya, semalam. (Foto tular)

Sementara itu, Mokhzani memohon maaf kepada pengunjung yang tidak sempat meluangkan masa bersama Dr Mahathir.

Beliau berkata, bapanya tidak

mengalami masalah kesihatan, namun keletihan selepas menghadiri satu program kelmarin serta kurang tidur.

"Selepas bersarapan (sema-

lam) dan menjamah sedikit kuih serta kopi, beliau kembali segar," katanya menerusi rakaman video pendek yang dimuat naik di Facebook, semalam.